

TUGASAN SPESIFIK

Pembinaan negara bangsa berbeza mengikut konsep Barat, Islam dan negara kita. Kepelbagaian tafsiran ini disebabkan oleh perkembangan sejarah yang berbeza berlaku di Eropah, Asia Barat dan Malaysia

Berdasarkan pernyataan tersebut, anda dikehendaki menjawab soalan/ tugas berikut.

Aspek	Perincian	Markah
Pengenalan	1. Jelaskan latar belakang pembinaan negara dan bangsa dalam masyarakat Melayu tradisional.	5 markah
Isi dan Huraian	2. Setiap negara mempunyai latar belakang pembinaan negara dan bangsa yang berbeza. Bincangkan latar belakang pembinaan negara dan bangsa berikut: i. Itali ii. Jerman iii. Kerajaan Islam Madinah	30 markah
	3. Kerjasama pemimpin dan rakyat telah merealisasikan pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan maju. Terangkan ciri-ciri negara dan bangsa Malaysia.	10 markah
	4. Kesultanan Melayu Melaka telah menjadi asas kepada pembinaan negara dan bangsa moden. Huraikan ciri-ciri pembinaan negara dan bangsa pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.	15 markah
	5. Pembinaan negara dan bangsa Malaysia dianggap istimewa berbanding dengan negara lain. Mengapakah pembinaan negara dan bangsa Malaysia dianggap demikian?	10 markah
	6. Perpaduan merupakan teras kepada pembinaan sesebuah negara bangsa. Jelaskan usaha-usaha untuk memperkukuh perpaduan bangsa.	10 markah
	7. Huraikan kekangan yang dihadapi dalam proses membina negara dan bangsa Malaysia yang berdaulat.	10 markah

	8. Nyatakan nilai murni yang diperolehi daripada pembinaan negara dan bangsa Malaysia.	<i>5 markah</i>
Kesimpulan	9. Buat rumusan tentang pembinaan negara dan bangsa Malaysia.	<i>5 markah</i>

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh:

Disemak Oleh:

Disahkan oleh:

.....
(ANGDIK NURAIDA BTE
YAKKOB)

.....

.....